

▼24/11/15-18MST

CNS9503

R GB 24-11 00155 BB596

aab

Australia - Reaksi

KENYATAAN KEATING BANGKIT KEMARAHAN DI KALANGAN PERNIAGAAN AUSTRALIA

I

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri Australia Paul Keating yang menyifatkan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "keras kepala" telah membangkitkan kemarahan di kalangan perniagaan Australia.

Presiden Majlis Perniagaan Australia-Malaysia, V.T.Lingam berkata, kenyataan Keating dianggap tidak bercirikan diplomatik dan menunjukkan kejahilannya tentang nilai-nilai dan sikap masyarakat Asia.

Beliau memberitahu Bernama dalam wawancara menerusi telefon di sini hari ini bahawa akhbar-akhbar tempatan dan radio telah mengkritik Keating kerana kenyataannya yang "bodoh" mengenai Dr Mahathir.

"Kami terkejut dengan kenyataan Keating tentang Dr Mahathir kerana tidak menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle baru-baru ini," kata beliau.

Beliau berkata, majlis mempunyai 200 anggota itu yang terdiri daripada ahli perniagaan terkemuka Australia akan menemui pihak berkuasa berkenaan di Australia bagi menjernihkan semula hubungan. -- Lagi

▼24/11/15-18MST

CNS9506

R GB 24-11 00140 BB597

aab

Australia - Reaksi 2 (akhir) Kuala Lumpur

Lingam berkata kenyataan Keating ialah pandangan peribadinya dan tidak mencerminkan pandangan Kabinet atau masyarakat Australia.

Beliau yakin bahawa kalangan perniagaan Australia akan terus meningkatkan pelaburan dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Kita mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) hari ini dan empat syarikat besar Australia termasuk AMCO dan BHP telah membuat keputusan untuk melabur berjumlah lebih RM100 juta di Malaysia tahun depan," kata beliau.

Lingam berkata Keating tidak memberi arahan kepada kalangan perniagaan supaya menghentikan pelaburan ke Malaysia.

Lingam berkata, media Australia menganggap Dr Mahathir sebagai bijak dan tenang ketika memberi ulasan mengenai sikap wartawan-wartawan Australia.

Semalam, Dr Mahathir berkata, sikap Australia yang tidak beradab menyebabkan sukar bagi Malaysia untuk menyayangi mereka. -- Bernama

JSM LDB FAZ

▼24/11/15-22MST